

**LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN  
NEGERI TERENGGANU**

**JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa bagi yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut :

<b>Nama Jawatan</b>	:	<b>Penolong Eksekutif Kewangan Gred W29</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	:	<b>Kontrak</b>
<b>Klasifikasi</b>	:	<b>Kewangan</b>
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	:	<b>Kumpulan Sokongan I</b>

**A. BIDANG TUGAS**

Bertanggungjawab melaksanakan, menyelia sistem dan operasi berkaitan dengan akaun pembayaran gaji, kutipan hasil, terimaan hasil, klasifikasi hasil, penyelenggaraan buku tunai, daftar deposit, amanah dan penyediaan laporan tahunan.

**B. SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- i. Warganegara Malaysia (keutamaan kepada Rakyat Negeri Terengganu);
- ii. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Mempunyai kelayakan sebagaimana berikut :
  - (a) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (b) *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
  - (c) diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (d) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- iv. Fasih berbahasa Melayu dan Inggeris; dan
- v. Mempunyai pengalaman sekurang – kurangnya 5 tahun dalam bidang berkaitan.

**C. PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi boleh ditetapkan oleh LTAWNT berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**D. TEMPOH KONTRAK**

Tempoh tawaran kontrak 1 tahun ATAU tempoh masa yang difikirkan perlu.

## **E. CARA MEMOHON**

1. Syarat – syarat lantikan boleh dimuaturun melalui laman web rasmi Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).
2. Permohonan hendaklah dimohon secara atas talian di lama web <https://ltawnt.gov.my> atau mengimbas QR dibawah.
3. Pemohon – pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Permohonan tuan/puan dianggap gagal sekiranya tidak mendapat sebarang jawapan/maklum balas dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup.

Setiausaha  
Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu  
No. 60, 61 & 62, Paya Keladi, Jalan Banggol,  
20100 Kuala Terengganu.

**Tarikh Tutup : 30 JUN 2024**

